

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 JANUARI 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Produk usahawan siswazah	Utusan Malaysia
2	Ceburi industri herba	Utusan Malaysia
3	Bisnes sumber rezeki	Utusan Malaysia
4	Kejayaan FMBioSis	Utusan Malaysia
5	Shahrir: Floods a wake-up call for rural progress	The Star

ISNIN 26.01.15

UTUSAN MALAYSIA

Mega

Inovasi
MESIN KUIH
DONAT "11"



Program FMBioSis
anjuran FRIM-MTDC
lahir biousahawan



PRODUK
USAHAWAN
SISWAZAH



fokus FAKTA

Menerusi program FMBioSis Ciera Eco-Friendly Multi Purpose Disinfectant berjaya dihasilkan iaitu produk yang berkesan terhadap patogen yang lazim dan juga superbugs *Methicillin-resistant Staphylococcus aureus* (MRSA) dan *Vancomycin-intermediate Staphylococcus aureus* (VISA) pada 2008.

PROGRAM pembangunan keusahawanan berasaskan produk penyelidikan bukan perkara baharu dan ramai dalam kalangan mereka menempa kejayaan. Antara program yang telah mula menampilkan hasil ialah Program Pembangunan Biusahawan Siswazah FRIM-MTDC (FMBioSis) yang merupakan inisiatif Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Program FMBioSis diperkenalkan pada 2008 bagi mencungkil bakat keusahawanan dalam kalangan siswazah yang sedang mengintai peluang menceburi bidang yang mereka inginkan.

Bagi program pertama, sebanyak 10 syarikat terbitan telah diwujudkan dengan asas perniagaan mereka berdasarkan penyelidikan yang pernah dijalankan oleh saintis FRIM. Ini termasuk herba, makanan kesihatan dan penjagaan serta dandanan diri.

Dua syarikat yang mula menapak kukuh dalam pengeluaran produk hasil penyelidikan FRIM menerusi program tersebut ialah Nature Profusion Sdn. Bhd. dan Nourish Care Sdn. Bhd.

Nature Profusion dibangunkan oleh Pengarah Eksekutifnya, **Wan Sabariah Shuib** dan telah enam tahun terlibat menghasilkan produk pembersih serba guna berasaskan tumbuhan dan herba.

Pada dasarnya, usaha beliau tidak sebegitu mudah tetapi berbekalkan prinsip tidak takut gagal dan semangat yang cekat, Wan Sabariah, 30, mampu membina perniagaan tersebut dan menjadikan syarikatnya berdiri teguh sehingga ke hari ini.

Menurut Wan Sabariah, berbekalkan minat mendalam, beliau berusaha gigih dan menjadikan dirinya lebih matang dan berpengetahuan luas dalam bidang yang baru diterokainya itu.

Selain itu, beliau lebih memahami potensi pasaran dengan menghasilkan produk yang mempunyai permintaan,



DR. MASTURA MOHTAR menguji ekstrak lidah buaya dan teh hijau untuk dikomersialkan sebagai produk pembersih.

Ceburi industri herba

Wan Sabariah tidak gentar tewas dalam perniagaan

Oleh **AQILAH MIOR KAMARULBAID**
aqilah.mks@gmail.com



berkualiti dan menarik minat pengguna.

Menjadikan tokoh korporat, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary sebagai idola, beliau mengakui bahawa keberanian melibatkan diri dalam bidang perniagaan bukan sahaja perlu memiliki kesungguhan, kesabaran dan bijak malah kejujuran dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab juga perlu disemai dalam hati.

Malah katanya, menjadi satu cabaran besar untuk menerokai pasaran yang banyak persaingan dengan nama-nama yang gah di pasaran.

Beliau yakin dengan produk keluaran syarikatnya yang membawa konsep pembersihan rumah dan diri ke arah transformasi yang lebih bersih dan selamat.

Dengan sokongan rakan perniagaan dan melalui pembacaan serta kajian mengenai produk yang ada di pasaran, beliau yakin produk pencuci serba guna, Ciera yang berasaskan bahan aktif daripada tumbuhan seperti ekstrak lidah buaya dan teh hijau boleh diterima ramai.

Ini kerana bahan utama yang digunakan itu tidak mempunyai kesan buruk jangka panjang kepada kesihatan manusia atau alam sekitar.

Jelas graduan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) itu, pengguna perlu menyedari tahap kebersihan rumah selepas melakukan kerja-kerja tersebut.

Ini kerana, pembersihan rumah menggunakan pencuci konvensional mengandungi risiko akibat penggunaan

bahan kimia yang terkandung di dalamnya.

Sementara itu, menurut Pengarah Teknologinya, **Dr. Mastura Mohtar**, bahan aktif unik daripada ekstrak lidah buaya dan teh hijau bukan sahaja membersihkan malah mengharumkan serta membasmi 99.9 peratus bakteria kebal dan rentan antibiotik dengan lebih berkesan.

Bahan utama itu juga melindungi seisi keluarga daripada jangkitan kuman.

Justeru, tanpa sumbangan FRIM dalam membekalkan teknologi dan MTDC yang membekalkan dana dalam bentuk geran, mustahil impiannya memiliki syarikat sendiri, tercapai.

Jelasnya, FRIM dan MTDC amat membantu syarikatnya untuk berdiri teguh dalam menyediakan platform yang selesa untuk memulakan perniagaan serta membantu dari segi latihan perniagaan dan promosi produk secara berterusan.

Siapa sangka dalam tempoh sesingkat enam tahun, Nature Profusion Sdn. Bhd berjaya mengembangkan empayar dan berjaya menebusi pasaran tempatan.

Buat masa kini, produk pencuci serbaguna telah berjaya memasuki pasaran tempatan serta mendapat permintaan yang amat menggalakkan.

Malah, beberapa syarikat besar selain FRIM dan Universiti



WAN SABARIAH (kiri) dan **Dr. Mastura Mohtar** menunjukkan ekstrak lidah buaya sebagai bahan utama produk syarikatnya.



KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 3

TARIKH : 26 JANUARI 2015 (ISNIN)

UTUSAN MALAYSIA • ISNIN 26 JANUARI 2015

Produk Ciera dihasilkan daripada campuran ekstrak tumbuhan yang unik sebagai bahan aktif, produk disinfektan antibakteria mesra alam ini juga terbukti tidak menyebabkan kerengsaan dan tidak toksik.

Sains Malaysia turut menggunakan produk tersebut.

Dalam masa sama rangkaian produk pembersihan diri dijangka memasuki pasaran dalam masa terdekat.

Dalam pada itu, Wan Sabariah berharap syarikatnya akan terus melakar nama dalam menghasilkan lebih banyak variasi produk bukan sahaja berasaskan bahan semula jadi sebaliknya turut menghasilkan produk organik.

Pada masa akan datang, beliau berharap syarikatnya akan meneroka pasaran antarabangsa untuk pertumbuhan perniagaan yang lebih agresif dan membina rangkaian perniagaan di dalam dan luar negara.

Wan Sabariah turut menasihati peniaga khususnya golongan muda yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan agar memupuk minat dalam bidang tersebut.

"Mereka jangan mudah putus asa dengan rintangan dan cabaran selain belajar memahami kehendak pengguna dalam memastikan produk diterima pasaran" ujarnya.

Oleh itu, FMBioSis wajar dilihat sebagai

satu usaha kerajaan melihat lebih ramai graduan bergelar usahawan bioteknologi dengan memanfaatkan penggunaan hasil penyelidikan FRIM.

Program tersebut antara lain bertujuan membangunkan graduan muda yang berpotensi dibentuk sebagai usahawan bioteknologi dengan mengkomersialkan teknologi penyelidikan tempatan.

Program FMBioSis juga boleh dianggap sebagai platform bagi pelajar yang bercadang untuk bekerja sendiri pada masa hadapan.

Usaha melahirkan usahawan bertujuan memanfaatkan teknologi tempatan dan aplikasi kaedah penyelidikan dalam menghasilkan inovasi, produk dan perkhidmatan untuk memenuhi pasaran dalam bioteknologi industri.

Menurut Wan Sabariah, minatnya dalam bidang perniagaan tidak mungkin dapat direalisasikan sekiranya tidak mendapat sokongan dan bantuan daripada pihak FRIM dan kesediaan MTDC memberikan bantuan modal dalam bentuk geran.

Katanya, menerusi program selama setahun itu, beliau bukan sahaja berjaya menubuhkan sebuah syarikat yang berdaya saing malah mempelajari selok-belok perniagaan serta pengurusan sesebuah syarikat dan bagaimana memastikan produk tersebut diterima.

Tambahnya, program FMBioSis yang kini diperluaskan di kebanyakan universiti perlu disahut oleh golongan pelajar yang mempunyai impian untuk berjaya terutamanya bagi mereka yang memasang cita-cita untuk menjadi seorang usahawan.

Pembelajaran yang ditawarkan amat berkesan dan secara menyeluruh daripada mula kajian sehingga teknik memasarkan sesuatu produk.

"(Justeru), tawaran tersebut amat sayang dilepaskan oleh mana-mana pelajar yang ingin menceburi bidang perniagaan," kata Wan Sabariah.

Jelasnya, walaupun masih baru

Siapa sangka dalam tempoh sesingkat enam tahun, Nature Profusion Sdn. Bhd berjaya mengembangkan empayar dan berjaya menebusi pasaran tempatan."

bertapak dalam industri, namun berkat usahanya, beliau menerima pengiktirafan serta memenangi pelbagai anugerah antarabangsa termasuk Ciptaan Terbaik untuk kategori Sanitasi atau Kebersihan dari Persatuan Tandas Hong Kong (HKTA) dan Anugerah Pingat Perak Ekspo Reka Cipta Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2009.

Baru-baru ini, syarikat itu juga telah dianugerahkan Persijilan Label Eko SIRIM daripada SIRIM QAS International dan sijil halal daripada Jabatan

Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang sekaligus mampu mencetus peluang bagi mengembangkan produk keluarannya.

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh hubungi 03-62625776 atau layari www.ciera.my



Produk Ciera selamat digunakan lembut pada kulit, formulasi yang bebas hipoklorit ini juga tidak meluntur atau mengakis permukaan lantai atau dinding.

agro

Bisnes sumber rezeki

SIAPA sangka minat untuk menceburi bidang perniagaan yang tiba-tiba terbit pada tahun akhir pengajiannya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang teknologi kimia membuka lembaran baharu dalam hidup PenolongPengurus Nourish Care, Yun Irma Faizul Effendi Yunal untuk menceburi bidang perniagaan.

Tidak pernah terlintas dalam kamus hidupnya untuk menjadi seorang usahawan apatah lagi memberi sepenuh perhatiannya kepada bidang yang kini menjadi pilihan untuk menyara hidup.

Mengakui peritnya untuk membangunkan sebuah perniagaan, Yun Irma Faizul Effendi tidak akan pernah berasa selesa dengan kejayaan yang dikecapinya hari ini walaupun produk syarikatnya yang menghasilkan makanan kesihatan, Le'Natura mula diterima masyarakat dan dikenali ramai.

Produk biskut serat yang menggunakan buah mengkudu dan stevia yang dikatakan baik dan berguna untuk membantu pesakit diabetes, kanser, masalah hati, tekanan darah tinggi dan buah pinggang.

Produk tersebut berjaya memasuki pasaran tempatan termasuk di pasar raya utama menjadikan mereka lebih bersemangat meneruskan bisnes tersebut.

Malah pada satu peringkat, Yun Irma Faizul Effendi dan rakan kongsi yang juga isterinya, Aisyah Jacklin Likan Bernabas Baie sentiasa ligat berfikir mencari kaedah yang terbaik untuk terus mempromosi dan menjual produk kesihatan keluaran syarikat mereka.

Antara cabaran yang perlu dihadapi termasuk menukar persepsi orang ramai mengenai diabetes dan terlalu bergantung kepada ubat-ubatan untuk merawat penyakit tersebut.

"Mengubah persepsi itu yang menjadi cabaran kerana mahu melihat pesakit diabetes atau mereka yang mengutamakan soal kesihatan menikmati rawatan atau cara hidup sihat secara lebih santai tanpa perlu menelan pil ubat-ubatan.

"Kita mahu orang ramai mengetahui walaupun biskut kesihatan syarikatnya tidak boleh mengubati penyakit tersebut secara keseluruhan, namun boleh mencegah penyakit diabetes dengan menjadikannya suplemen," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Pun begitu, beliau mengakui

minatnyanya dalam bidang perniagaan mustahil dipupuk sekiranya tidak diterima menyertai program FMBioSis pada 2008.

Menerusi program tersebut, beliau mempelajari selok-belok perniagaan menerusi bantuan teknologi yang disediakan oleh FRIM serta dana daripada MTDC.

Bantuan tersebut membolehkan beliau memanfaatkan peluang mengasah bakat berkomunikasi dengan orang ramai atau pelabur bagi memperkenalkan produk keluaran syarikatnya.

Sebagai salah seorang perintis dalam program pertama FMBioSis, Yun Irma Faizul Effendi mengakui beliau pada mulanya berdepan masalah untuk memulakan perniagaan, apatah lagi hanya berlatar belakangkan pendidikan sains.

Namun, tiada istilah berputus asa sebaliknya usaha dan semangat kental sentiasa menjadi azimat dalam sanubarinya agar terus berjuang membangunkan perniagaan yang mula disukai itu.

Ini penting bagi memastikan pengguna mengetahui kebaikan produk biskutnya itu.

Dalam pada itu, beliau amat bersyukur terpilih sebagai antara peserta program FMBioSis kerana pengalaman yang diterimanya amat bernilai dan sukar diperoleh.

Menurutnya, program tersebut perlu terus dijalankan bagi memberi peluang kepada golongan siswazah menceburi diri dalam perniagaan.

Beliau percaya, inilah peluang bagi siswazah untuk mempelajari mengenai bidang keusahawanan secara keseluruhan dan hanya boleh diterima melalui FMBioSis.

Berbekalkan kepercayaan, usaha serta dibantu oleh teknologi bermutu tinggi dari FRIM, impian untuk bergelar usahawan berada dalam genggamannya dan tidak mustahil negara ini pada satu hari nanti dikenali sebagai pengeluar produk berasaskan mesra alam yang utama.

Merekayang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi Yun Irma Effendi di talian 03-62610753 atau emel nourish@gmail.com.



YUN IRMA FAIZUL EFFENDI menunjukkan produk biskut kesihatan keluaran syarikatnya.



agro

Kejayaan FMBioSis

Lahirkan usahawan bioteknologi hasil pengkomersialan R&D FRIM

SEBANYAK 10 syarikat yang pernah menerima latihan atau mengikuti Program Pembangunan Usahawan Siswazah FRIM-MTDC (FMBioSis) yang dikelola oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) telah menjadi usahawan yang berjaya dan cemerlang dalam bidang masing-masing.

Program tersebut yang dilancarkan pada 21 Mei 2008 bertujuan untuk melahirkan usahawan elit dalam kalangan siswazah yang disokong oleh teknologi serta kepakaran daripada FRIM dan pembiayaan serta bimbingan perniagaan MTDC.

Program tersebut turut menggalakkan proses pengkomersialan hasil penyelidikan FRIM. Dalam masa sama membuka peluang kepada graduan menceburi bidang bioteknologi.

Meskipun baru setahun jagung berjinak-jinak dalam bidang keusahawanan, peserta menganggap ia merupakan peluang yang terbentang luas mencapai impian selepas bergelar graduan.

Berdepan cabaran menentangakan produk, bukan penghalang untuk meneruskan usaha tersebut.

Sebaliknya graduan tersebut sentiasa mencari jalan menghasilkan inovasi berkonsep mesra alam dan memasuki pasaran sejak 2013 merupakan satu kejayaan besar yang boleh dibanggakan.

Menurut Ketua Unit Inkubasi dan Syarikat Terbitan, Bahagian Pengkomersialan dan Inovasi FRIM, Dr. Fadhliah Zainuddin, program yang julung kali diadakan itu diharap dapat



DR. FADHLIAH
ZAINUDDIN

melahirkan golongan biosusahawan siswazah yang berjaya dan menjadi kepada pemangkin pertumbuhan industri bioteknologi negara.

Berebel dala sebanyak RM 14.7 juta pada ketika itu, beliau yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif FMBioSis berkata, peserta program bukan sahaja menjalankan kajian dan menghasilkan produk, sebaliknya mereka perlu memahami dunia perniagaan.

Sehubungan itu peserta perlu mengikuti kelas perniagaan, pemasaran, akaun dan sebagainya memastikan mereka mengetahui tentang aspek keusahawanan.

Program tersebut turut menawarkan pendekatan yang komprehensif dalam bidang keusahawanan, pendedahan kepada teknologi, pembentukan syarikat, pemindahan teknologi, pembangunan produk, khidmat teknikal yang berterusan serta bimbingan keusahawanan dan pembangunan perniagaan, ujarnya.

Komponen lengkap yang ditawarkan itu mampu melahirkan seorang usahawan berdaya maju yang akan menjayakan usaha pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Menurut Dr. Fadhliah, meskipun baharu dalam bidang keusahawanan, mereka mula semakin mengetahui selok belok perniagaan. Peserta juga memahami kehendak pelanggan serta pasaran yang

FMBioSis yang merupakan program perintis untuk membangunkan usahawan teknologi di negara ini."

sentiasa dahagakan sesuatu yang baharu.

Tambahnya, oleh kerana kesemua syarikat tersebut telah bergraduasi, FRIM tidak lagi memegang saham terbesar dalam syarikat tersebut.

Ini bagi memberi peluang kepada syarikat berkenaan berikar sekali gus membolehkan usahawan berniaga dan mempromosi produk melalui cara tersendiri.

"Langkah ini juga membolehkan mereka lebih memahami kehendak pelanggan dan sentiasa

membuat penambahbaikan dari segi pembungkusan, teknik pasaran, promosi atau menambah variasi pada produk ciptaan mereka.

"Pelepasan kepentingan FRIM daripada syarikat itu juga bertujuan memberi peluang kepada syarikat untuk mencari pelabur baharu yang berminat dalam syarikat FMBioSis," katanya.

Tambah Dr. Fadhliah, kesemua syarikat tersebut sedang memasuki fasa pemasaran produk dan sedang meraih keuntungan daripada hasil jualan produk.

Namun katanya, perkara itu tidak semudah yang dijangka memandangkan teknologi atau produk yang dihasilkan itu bukanlah jaminan untuk melariskan sesuatu produk di pasaran.

Strategi pemasaran yang berkesan penting bagi mengenal pasti kumpulan sasaran selain pengguna perlu diberikan pengetahuan mengenai keunikan produk baharu.

Menurutnya, sambutan terhadap produk hasil teknologi FRIM amat positif dan pengguna amat yakin dengan keluaran tersebut apabila turut mendapat tampahan daripada beberapa syarikat besar di negara ini.

Tiada apa yang mematahkan semangat usahawan tersebut walaupun terpaksa bermula dengan modal sederhana dan dari bawah.

Satu kejayaan besar apabila syarikat FMBioSis turut mencatatkan kejayaan daripada sebuah kilang pengestrakan aktif herba kepada bertaraf Amalan Pengilangan Baik (GMP), dibangunkan oleh Poly-Xtract Sdn. Bhd. yang memberi khidmat pengestrakan kepada pengusaha tempatan.

Dalam pada itu Dr. Fadhliah memberitahu, program FMBioSis dijangka diteruskan pada tahun hadapan.

Program tersebut hentikan sementara pada tahun ini bagi membolehkan FRIM memfokus kepada usaha menambah baik pembangunan produk dan teknologi sedia ada.

Menerusi pengalaman mengendalikan program sebelum ini, FRIM mengenal pasti beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki bagi memudahkan proses pengkomersialan.

SYARIKAT-SYARIKAT FMBIOSIS PERINGKAT AWAL

1. AGRICLONE TECH SDN. BHD.
Produk: Anak benih kultur tisu, spesies karas, kelapa sawit dan Eucalyptus.

2. BIO BLOOMS SDN. BHD.
Produk: Anak benih kultur tisu, spesies buluh, aglaonema, orkid dan nepenthes.

3. UNIBIO PLANTS SDN. BHD.
Produk: Anak benih, kultur tisu, spesies vanilla, pisang dan tongkat ali.

4. PHYTOTECH SDN. BHD.
Produk: Anak benih kultur tisu, spesies nanas MD2, sesenduk dan Jatropha (pokok karas).

5. BIO-NATURE FORMULA SDN. BHD.
Produk: HOME-Spa berasaskan ekstrak tumbuhan dan minyak pati, mandian badan beraroma terapi, scrub badan, losyen tangan dan badan serta pencuci peribadi wanita jenama Forestra.

6. NATURE PROFUSION SDN. BHD.
Produk: Pengkomersialan anti MRSA antiseptik dan disinfektan berasaskan bahan semula jadi jenama C'era.

7. NOURISH CARE SDN. BHD.
Produk: Pengkomersialan produk untuk diabetes dalam bentuk makanan, minuman dan suplemen jenama Le'Natura.

8. LIGNI-ENERGY SDN. BHD.
Produk: Pengkomersialan bahan api biojisim, pelet dan briket beraroma terapi.

9. XTRACT TECH SDN. BHD.
Produk: Penghasilan biodiesel dari bahan mentah biji Jatropha.

10. POLY-XTRACT SDN. BHD.
Produk: Pengeluaran ekstrak berasaskan air dan aktif fraksi daripada spesies herba tempatan dan perkhidmatan pengestrakan.

Terdapat teknologi atau produk yang dihasilkan di makmal masih belum bersedia untuk dipasarkan menyebabkan syarikat terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk membangunkan.

FRIM yakin sekiranya usahawan yang mengikuti program itu menggunakan teknologi atau produk sedia untuk dipasarkan sudah pastinya akan menarik lebih banyak syarikat untuk mengkomersialkannya sekali gus mengurangkan risiko kegagalan.

Oleh itu, menerusi bahagian tersebut, FRIM mengatur strategi untuk merapatkan jurang di antara R&D dan pengkomersialan bagi menjamin teknologi tersebut sedia diambil oleh syarikat atau usahawan yang berminat.

FMBioSis yang merupakan program perintis untuk membangunkan usahawan teknologi di negara ini turut mengorak langkah dengan membuka peluang bagi universiti tempatan untuk menjayakan program seumpama itu.

Program yang dikenali sebagai Symbolis melibatkan antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang merupakan kesinambungan program tersebut.



Shahrir: Floods a wake-up call for rural progress

KUCHING: The nationwide floods are a wake-up call to the Government to spend more on rural development, Backbenchers Club chairman Tan Sri Shahrir Ahmad Samad said.

He said rural areas had not received enough attention from the Government.

"We have given a lot of basic infrastructure to urban centres. The MRT is one example, it cost billions.

"We also have future plans like the (Kuala Lumpur-Singapore) high-speed rail," he said after visiting flood shelters here yesterday.

Shahrir, who is the Johor Baru MP, said discussions with backbenchers would be held before Parliament resumed on March 9.

He said rural MPs should debate with a sense of "urgency" on why more funds should be channelled their way in the 11th Malaysia Plan.

Meanwhile, the number of evacuees in Sarawak decreased to 1,063 as of 9pm yesterday compared to 1,924 the day before.

According to the National Security Council, there were two flood-hit areas in the state - Samarahan in the south and Limbang in the north.

During the height of the floods last Tuesday evening, there were more than 10,500 evacuees.

The Meteorological Department is forecasting thunderstorms daily this week in the state.

In Sabah, floods in south-western Beaufort receded with 614 people still at relief centres. A district official said the 100 families left at the centres returned home at 12.30pm.